

# **KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

## **PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN, KELANTAN BILANGAN 8 TAHUN 1990**

### **GADAIAN TANAH KEPADA BANK-BANK DAN INSTITUSI KEWANGAN YANG BAKAL DISENARAI DI DALAM JADUAL D ENAKMEN RIZAB MELAYU 1930 DAN JADUAL 26A ENAKMEN TANAH KELANTAN 1938**

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memberitahu semua Pentadbir Tanah Jajahan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan yang bersidang pada 27.6.1990 semasa menimbang Kertas Bil. 13/407/90(31) telah membuat keputusan untuk memasukkan Badan dan Institusi Kewangan bagaimana dalam Lampiran A ke dalam Jadual D Enakmen Rizab Melayu Kelantan 1930 dan Jadual 26A Enakmen Tanah Kelantan 1938.

2. Pada suatu ketika dahulu permohonan oleh badan berkenaan pernah ditolak oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan dengan alasan bahawa badan berkenaan tidak mempunyai saham bumiputera melebihi 50% dan ada juga badan-badan yang tidak mempunyai cawangan di Negeri Kelantan. Walau bagaimanapun Majlis Mesyuarat Kerajaan telah mengkaji semula kedudukan badan-badan berkenaan setelah menerima rayuan daripada Pihak Bank Negara dan membuat keputusan untuk menyenaraikan semua badan tersebut ke dalam Jadual D Enakmen Rizab Melayu 1930 dan Jadual 26A Enakmen Tanah Kelantan 1938 untuk membolehkan badan-badan berkenaan memberi perkhidmatan kepada tuan-tuan tanah.

3. Sekarang ini tindakan sedang diambil untuk mewartakan badan-badan berkenaan ke dalam Jadual D dan Jadual 26A dan sehingga tarikh pewartaan gadaian kepada badan-badan berkenaan masih memerlukan kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan di bawah Seksyen 13A Enakmen Rizab Melayu 1930 dan Seksyen 104 Enakmen Tanah Kelantan 1938.

**t.t**

**(Tengku Elias Bin Tengku Mahmood)**  
PENGARAH TANAH DAN GALIAN,  
KELANTAN.

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
KELANTAN  
BLOK 3, KOTA DARULNAIM  
15576 KOTA BHARU**

**BERTARIKH : 14HB. JULAI 1990**

**KEPADA:**

Semua Pentadbir Tanah Jajahan Kelantan.

**SALINAN KEPADA:**

1. YAB. Tan Sri Dato' Menteri Besar, Kelantan.
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar, Kelantan.
3. YB. Dato' Setiausaha Kerajaan, Kelantan.
4. YB. Tuan Penasihat Undang-Undang Kelantan.
5. YB. Tuan Pegawai Kewangan Negeri Kelantan.
6. YABrs. Ketua Audit Negeri Kelantan.
7. YABrs. Semua Ketua Jajahan, Kelantan.
8. YABrs. Pengarah Penyelesaian Tanah Negeri Kelantan.
9. YABrs. Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan.

**FAIL: P.T.G.KN. SULIT 23/3/1/Jld.2.(37)**

**LAMPIRAN 'A'**

**SENARAI BANK-BANK YANG DITOLAK PERMOHONANNYA  
DALAM JADUAL 'D' DAN JADUAL 26A**

<b><u>NO.FAIL</u></b>		<b><u>NAMA BANK/INSTITUSI KEWANGAN</u></b>
P.T.G.KN. 17/2/10	-	Ban Hin Lee Bank Berhad
“ 17/2/8	-	Pembangunan Leasing Corporation Sdn. Bhd.
“ 17/2/5	-	Tenaga Finance Berhad
“ 17/2/2	-	Esso Malaysia Berhad
“ 17/2/12	-	Pasific Bank Berhad
“ 2386	-	Malaysian French Bank Berhad
“ 684	-	Public Bank Berhad
“ 4284	-	United Asian Bank Berhad
“ 1983	-	Bank Utama Malaysia Berhad
“ 2883/2	-	Arab Malaysian Credit Berhad
“ 3980	-	Kwong Yik Finance Berhad
“ 13079	-	Oversea Chinese Banking Corporation Limited
“ S.23/3/1/Jld.2	-	Syarikat Cagamas (Anak Syarikat Bank Negara)

**SENARAI BADAN BERKANUN YANG PERNAH MEMOHON UNTUK  
DIMASUK DALAM JADUAL 'D' DAN JADUAL 26A**

P.T.G.KN. 16/11/1	-	i) Lembaga Letrik Negara ii) Syarikat Telekom Malaysia
-------------------	---	---